

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.
KADIR [SETIU]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh manakah **JENDELA** (Jalinan Digital Negara) dapat menyelesaikan masalah rangkaian internet luar bandar yang masih belum mendapat 4G seperti di Setiu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar dengan menggunakan pelbagai teknologi di seluruh negara termasuklah di kawasan Setiu.

Pelan Jalinan Digital Negara atau **JENDELA** yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 29 Ogos lalu adalah merupakan inisiatif Kerajaan dan pemain industri bagi mempertingkatkan tahap kesalinghubungan serta kualiti pengalaman perkhidmatan komunikasi di seluruh negara melalui pembangunan infrastruktur yang lebih cepat dan menyeluruh.

NO SOALAN : 11

Melalui pelan JENDELA, penambahbaikan infrastruktur digital yang dilaksanakan secara berfasa akan memberikan kualiti pengalaman yang sama rata antara kawasan bandar dan luar bandar.

Sasaran fasa pertama yang telah bermula dan akan berakhir pada tahun 2022 adalah :

- a. penambahan premis yang akan mendapat akses jalur lebar tetap berkelajuan gigabit daripada 4.95 juta premis kepada 7.50 juta premis;
- b. perluasan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 96.9% di kawasan yang berpenduduk; serta
- c. peningkatan kelajuan purata jalur lebar mudah alih daripada 25Mbps kepada 35Mbps.

Di bawah inisiatif JENDELA bagi kawasan Parlimen Setiu, sebanyak hampir 1,322 pelanggan sedia ada akan dinaik taraf dari perkhidmatan rangkaian berasaskan tembaga kepada rangkaian gentian optik untuk jalur lebar talian tetap. Selain daripada itu, sebanyak 13 menara komunikasi baharu telah dirancang untuk dibina dan sebanyak 57 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada akan dinaik taraf bagi membolehkan pelanggan mendapat perkhidmatan 4G.

Walau bagaimanapun, segala inisiatif pembangunan infrastruktur digital ini memerlukan kerjasama dari semua pihak, terutamanya di peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk pemudahcaraan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang telah dirancang dan yang akan dilaksanakan.